

PENUTUP

PENUTUP

Setelah selesai ke empat-empat bab kajian ini, dapat dirumuskan bahawa peranan masjid menurut *al-Sunnah* adalah menjadi matlamat utama dan teras kepada pembangunan masjid-masjid masa kini. Walaupun masjid-masjid masa kini dibangunkan atau didirikan dengan begitu banyak sekali, namun hakikat pembangunannya dalam erti kata yang luas adalah pilihan utama kajian ini dalam merealisasikan perannya yang sebenar.

Bermula dengan memahami pengertian atau konsep masjid menurut *al-Sunnah*, masih terdapat ramai manusia di dunia ini yang celik akan konsep masjid yang sebenar. Ini disebabkan oleh berlakunya beberapa perubahan yang timbul dari fungsi masjid itu sendiri dan juga kurangnya penekanan atau inisiatif pentadbiran masjid itu sendiri yang benar-benar berusaha untuk menghidupkan sesebuah masjid itu. Maka kesan daripada fenomena ini mempengaruhi masyarakat Islam dalam mendefinisikan makna dan tujuan pembinaan institusi-institusi masjid itu sama sekali tidak tepat. Fenomena ini dapat dilihat dalam kajian ini, di mana perbezaan konsep masjid itu sendiri seolah-olah disamaratakan fungsinya tanpa mengikut keutamaan-keutamaan yang sepatutnya, yang sememangnya memberi banyak manfaat kepada pengunjungnya.

Pertikaian pendapat mengenai dengan hukum membina masjid di kalangan para ulama Islam, merumuskan bahawa pembinaan masjid itu adalah sangat dituntut oleh Islam. Ini disebabkan oleh umumnya maksud hadis Rasulullah *s.a.w* pada mendefinisi masjid itu sendiri yang merupakan *syari'at* Allah *s.w.t* kepada umatnya. Meskipun tuntutan tersebut merupakan perintah sunat sahaja, namun ianya berhubungkait dengan kewajiban berjemaah di sesebuah kampung itu. Ini juga menyebabkan masjid itu satu keperluan yang mesti dibangunkan di mana-mana tempat duduknya orang-orang Islam, serta dipelihara dan dijaga segala peraturan dan hukum-hakam yang terkandung padanya.

Berikutan penting dan mustahaknya mendirikan sesebuah masjid itu, dalam kajian ini mendapati banyak hadis-hadis yang menyatakan galakkan dan kelebihan ganjaran yang dijanji oleh Allah *s.w.t* kepada orang-orang yang mengusahakannya dan membina masjid itu. Kelebihan-kelebihan mendirikan masjid itu yang dijanjikan melalui hadis-hadis tersebut, mendorong manusia kepada ketakwaan dan ketaatan yang tidak terhingga kepada Allah *s.w.t*. Berdasarkan ini, masjid-masjid telah dibina dengan begitu rupa dengan berbagai-bagai bentuk binaan yang menarik bahkan lebih daripada kepunyaan sendiri. Kesemua ini bukan bertujuan untuk mermegah-megah atau berbangga-bangga, tetapi semata-mata untuk melepaskan kepuasan dan kecintaan seseorang hamba kepada Allah *s.w.t*. Jika dilihat kepada sejarah seni bina masjid dalam Islam, kajian mendapati bahawa

faktor utama yang merubah bentuk asal pembinaan masjid itu ada tiga perkara, iaitu; faktor masa, budaya setempat dan iklim. Perubahan rekabentuk ini hanya dapat dilihat pada zahirnya sahaja, akan tetapi peranan dan fungsinya yang sebenar tidak mungkin dapat diubah kerana ia adalah hak Allah *s.w.t.*

Dalam kajian ini juga mendapati bahawa fungsi masjid yang menjadi simbol kepada kewibawaan masjid-masjid masa kini ialah kehebatan masjid *al-Nabawī* sebagai pusat ibadat dan kebudayaan umat Islam yang terunggul di dunia. Kehebatan masjid ini masih tetap dan kekal meskipun ianya mengalami beberapa perubahan infrastruktur pembinaannya malah ia tetap menjadi contoh terbaik yang diwarisi sejak 14 kurun yang lalu.

Dalam kajian ini juga mendapati bahawa pada zaman Rasulullah *s.a.w.*, sudah wujud usaha-usaha yang tidak bermoral di kalangan orang-orang munafik bagi mensabotaj peranan dan fungsi masjid yang sebenar. Namun usaha mereka ini sama sekali tidak berhasil, kerana Allah *s.w.t* tidak merestui niat mereka, lantas menurunkan wahyu kepada Nabi Muhammad *s.a.w* untuk menghancurkannya. Apa yang dapat diambil dari pengajaran di atas, ialah pembinaan masjid-masjid masa kini mestilah mengikut landasan *al-Sunnah* sebagai matlamatnya dengan niat ikhlas kerana Allah *s.w.t.*

Perkembangan ajaran agama Islam keseluruh pelusuk dunia, memainkan peranan yang penting kepada pembangunan institusi masjid di merata tempat. Dalam kajian ini, mendapati bahawa Brunei adalah di antara negara yang terawal menerima Islam di rantau ini. Kemasukan Islam di Brunei mengalami dua proses penerimaan iaitu secara formal dan tidak formal. Apapun bentuk penerimaan yang dialami, namun Islam tetap mengatasi segala-galanya yang akhirnya mendapat sambutan dan kepercayaan daripada golongan atasan dan juga rakyat jelata.

Sebagai mengikut dasar pemerintahan Khalifah 'Umar Ibn al-Khattab, pembinaan masjid adalah merupakan agenda pertama dan utama bagi mengukuhkan ajaran agama Islam oleh pemerintah dan juga para mubaligh dan pedagang yang berminat untuk tinggal di Brunei pada masa itu. Berdasarkan kepada sumber sejarah yang didapati, Masjid Brunei yang pertama telah dibina pada zaman pemerintahan Sultan ke tiga iaitu Sultan Syarif 'Ali (1425 - 1432M). Meskipun sejarah mencatatkan pembinaan masjid tersebut setelah beberapa tahun penerimaan Islam secara formal dan tidak formal di Brunei, namun pada pendapat penulis institusi masjid telah pun wujud di Brunei lebih awal daripada itu. Ini berdasarkan kepada realiti Islam itu sendiri yang mengutamakan perpaduan dan persaudaraan dalam Islam yang mewajibkan umatnya supaya hidup berjemaah.

Dalam kajian ini juga, mendapati bahawa institusi masjid di Brunei sememangnya mendapat pengaruh yang luas dari kalangan penduduk dalam negeri mahu pun luar negeri. Penggunaan masjid sebagai method pengembangan dakwah Islamiah di rantau ini, membuktikan bahawa peranan dan fungsi yang dicetuskan melalui institusi masjid itu adalah yang paling berkesan. Keberkesanan peranan dan fungsi masjid itu adalah disebabkan oleh kebijaksanaan dan kewibawaan para pentadbir masjid yang terdiri daripada golongan 'alim ulama yang berpengaruh dan sangat dihormati oleh masyarakat. Ini terbukti apabila kehebatan pengaruh masjid di Brunei pada suatu ketika dahulu, mendapat perhatian berat daripada orang-orang barat sebagai penyekat penyebaran agama Kristian di Filipina. Walaupun masjid menjadi ancaman mereka, tetapi secara logiknya mereka dengan sendirinya mengakui keberkesanan dan kehebatan peranan dan fungsi masjid itu.

Sebenarnya pengaruh Islam di Brunei mendapat tempat yang utama dari semua lapisan masyarakat dan dijadikan sebagai cara hidup yang diwarisi sejak zaman-berzaman. Dari kajian yang didapati, faktor utama kejayaan ini ialah disebabkan oleh keyakinan para pemerintah Brunei terhadap kebenaran agama Islam yang boleh merubah kehidupan dari kejahilan kepada kesempurnaan. Selain daripada itu kepercayaan pemerintah terhadap golongan elit agama, yang terdiri daripada Pehin-Pehin Manteri Ugama, dalam

pentadbiran negara juga memberi kesan dan pengaruh yang kuat kearah mengekalkan cara hidup beragama hingga ke hari ini. Kewibawaan golongan elit agama yang sememangnya bijak dalam ilmu-ilmu agama dan juga bidang ilmu-ilmu yang lain, adalah menjadi rahmat yang mesti dicontohi dan dipertahankan oleh generasi masa kini. Mereka bukan sahaja dapat menghidupkan masjid-masjid, tetapi mereka mempengaruhi semua aspek kehidupan sama ada dalam pentadbiran kerajaan, politik dan sebagainya sentiasa mengikut lunas-lunas ajaran agama Islam.

Keutuhan ajaran agama Islam yang menjadi prinsip dan dasar pemerintahan oleh para pemerintah Brunei sejak dulu lagi, berjaya menjadikan Islam sebagai agama rasmi negara sehingga masa kini. Dalam kajian ini mendapati kematangan demi kematangan yang dialami oleh para pemerintah pada mengemaskinikan pentadbiran negara mengikut peredaran masa, telah pun mendapat perhatian, di mana Brunei akan menuju kearah mengislamisasikan undang-undangnya. Sebagai contoh pada tahun 1955 M, telah ditubuhkan sebuah akta yang dikhususkan bagi mengawal pentadbiran ugama Islam di Brunei. Dalam akta tersebut telah memperuntukan beberapa bab yang mengawal pembangunan masjid-masjid di Brunei, perlantikan dan perlucutan Imam-Imam, bidangkuasa-bidangkuasa yang dikenakan, wakaf dan sebagainya bagi mempestitikan perjalanan pentadbiran institusi-institusi masjid berjalan dengan baik dan sempurna.

Dengan adanya pengawalan pembangunan institusi-institusi masjid melalui akta atau undang-undang ini, pentadbiran masjid sudah pasti semakin teratur. Hanya yang perlu ditumpukan dan dititikberatkan dalam mengemaskinikan pentadbiran di masjid-masjid ialah meningkatkan kewibawaan para pentadbir masjid dan peranan ahli jawatankuasanya untuk meningkatkan peranan dan fungsi masjid yang sebenar. Kewibawaan dan kelayakan yang sepatutnya adalah ukuran yang terbaik dalam usaha mewujudkan pentadbiran masjid yang teratur dan bersistematik.

Walaupun penulis dapat menyiapkan kajian ini, namun ini adalah langkah pertama ke arah menjurus kepada kajian-kajian yang lebih kompleks, yang melibatkan pendapat umum dan permasalahan masyarakat terhadap kewibawaan pentadbiran masjid dan tanggungjawab mereka sebagai jemaah masjid. Dalam hal ini, penulis mendapati banyak persoalan-persoalan terkini yang memerlukan kajian yang terperinci serta ilmiah, perlu diteruskan sebagai kesinambungan kajian ini ke arah meningkatkan peranan dan fungsi masjid masa kini sejajar dengan perkembangan semasa.